

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 7/1999

PERWAKILAN KUASA KEPADA PENTADBIR TANAH UNTUK MELULUS DAN MEMBENARKAN

- (i) Lesen Menduduki Sementara Bagi Papan-Papan Iklan Yang Didirikan Di Atas Tanah Kerajaan**
 - (ii) Permit Penggunaan Ruang Udara Bagi Papan-papan Iklan Yang Dipasang Secara Menggunakan Ruang Udara Di Atas Tanah Kerajaan**
-

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam menimbangkan Kertas Bil.10/534/99(40) dalam persidangannya Kali Ke 10/99 pada 02hb. Jun 1999 telah bersetuju mewakilkan kuasa kepada Pentadbir Tanah untuk melulus dan membenarkan :-

- i. Lesen Menduduki Sementara bagi papan-papan iklan yang didirikan di atas Tanah Kerajaan ; dan
- ii. Permit Penggunaan Ruang Udara bagi papan-papan iklan yang dipasang secara menggunakan ruang udara di atas Tanah Kerajaan.

2. Perwakilan kuasa ini hanyalah untuk tujuan papan iklan sahaja. Kelulusan Lesen Menduduki Sementara untuk tujuan-tujuan lain adalah kekal pada Pihak Berkuasa Negeri dan sebagaimana Pekeliling PTG Bil.5/91 dan Bil.3/97 diwakilkan kuasa kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah dalam keadaan-keadaan dan had-had yang telah ditetapkan. Kelulusan Permit Penggunaan Ruang Udara untuk tujuan selain daripada papan iklan adalah kekal pada Pihak Berkuasa Negeri.

3. Bagi kelulusan Lesen Menduduki Sementara dan Permit Penggunaan Ruang Udara di atas Tanah Kerajaan untuk papan iklan Pentadbir Tanah boleh meluluskannya tanpa terlebih dahulu mendapat perakuan Jawatankuasa Hal Ehwal Tanah Jajahan untuk mendapat pandangan. Ini adalah untuk mempercepatkan proses kelulusan, memandangkan pemasangan papan-papan iklan ini adalah perkara kecil tetapi memerlukan kelulusan segera.

4. Ini juga akan mengelakkan berlakunya pergerakan-pergerakan fail daripada Pejabat-pejabat Tanah ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian negeri seterusnya ke Majlis Mesyuarat Kerajaan. Ini dapat menjimatkan masa dan mempercepatkan proses kelulusan dan proses mendapatkan hasil untuk Negeri di mana sesuatu permohonan itu diproses dan diluluskan di satu tempat sahaja iaitu di Pejabat-pejabat Tanah.

5. Pentadbir Tanah hendaklah menyelenggarakan satu buku rekod bayaran permohonan dan bayaran tahunan bagi Lesen/Permit di atas untuk disimpan di Bahagian Hasil dengan menggunakan buku foolscap biasa sebagaimana format di **Lampiran A** dan **Lampiran B**.

6. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

t.t

(Md. Yusuf Bin Noh)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB Tuan Guru Dato' Menteri Besar
2. YB Timbalan Menteri Besar
3. YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri
4. YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri
5. YBM Dato' Tengku Pegawai Kewangan Negeri
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Majlis Mesyuarat Kerajaan)

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.4485/(104)

**BERTARIKH : 07 Rabiulawal 1420H.
21 Jun 1999.**

LAMPIRAN A

**BUKU REKOD LESEN MENDUDUKI SEMENTARA DI ATAS TANAH KERAJAAN/RIZAB
(Seksyen 65 Kanun Tanah Negara 1965)**

Bil	No. Lesen	Nama dan Alamat Pemegang Lesen	Luas	Kegunaan	Bayaran Permohonan (Jumlah & No. Resit)	Bayaran Tahunan										Catatan (Rujukan Fail & sebagainya)
						1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	

LAMPIRAN B

**BUKU REKOD PERMIT PENGGUNAAN RUANG UDARA DI ATAS TANAH KERAJAAN/RIZAB
(Seksyen 75A Kanun Tanah Negara 1965)**

Bil	No. Lesen	Nama dan Alamat Pemegang Lesen	Luas	Kegunaan	Bayaran Permohonan (Jumlah & No. Resit)	Bayaran Tahunan										Catatan (Rujukan Fail & sebagainya)
						1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008	